

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

KURSUS	:	TASAWWUR ISLAM
KOD KURSUS	:	NCC3007
TARIKH	:	19 JUN 2019 (RABU)
TEMPAT	:	DEWAN SULTAN MIZAN
MASA	:	3.00 – 5.00 PETANG (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

ARAHAN KEPADA CALON

- i. Sila jawab semua soalan.
- ii. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) MUKA SURAT BERCETAK

Sila jawab semua soalan.

SOALAN 1 [12 MARKAH]

Tasawwur Islam bermaksud gambaran yang sempurna mengenai Islam.

Merujuk kepada definisi Tasawwur Islam di atas, sila jawab soalan-soalan berikut:

- a) Jelaskan maksud yang difahami daripada definisi Tasawwur Islam tersebut. (3 markah)
- b) Huraikan bentuk kesempurnaan Islam melalui tiga sudut matlamat penciptaan manusia. (9 markah)

SOALAN 2 [12 MARKAH]

Agama Islam mengandungi tiga teras utama yang saling berkait iaitu akidah, syariat dan akhlak.

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, sila jawab soalan-soalan berikut:

- a) Berikan definisi bagi setiap unsur berikut: (3 markah)
 - i) akidah
 - ii) syariat
 - iii) akhlak.
- b) Bincangkan hubungan antara akidah, syariat dan akhlak dalam konteks kehidupan seorang individu muslim. (9 markah)

SOALAN 3 [10 MARKAH]

Bezakan antara konsep *Uluhiyyah*, konsep *Rububiyah* dan konsep *Al-Asma' Wa Al-Sifat* dengan membawa contoh setiap kelompok manusia yang beriman dengan konsep-konsep tersebut. (10 markah)

SOALAN 4 [6 MARKAH]

Terangkan hubungan yang saling berkait antara tuhan, manusia, haiwan dan alam dari sudut pandang tasawwur Islam. (6 markah)